

MAHATHIR-PERANCIS 2 '2'2' 1992

KUALA LUMPUR, 13 DIS. (BERNAMA) -- MALAYSIA HARI INI SECARA RASMI MEMINTA KERAJAAN PERANCIS MELONGGARKAN PERINTAHNYA BARU-BARU INI YANG MEWAJIBKAN SEMUA DOKUMEN KASTAM MENGENAI IMPORT KE NEGERI PERANCIS DITULIS DALAM BAHASA PERANCIS.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYAMPAIKAN PERKARA ITU DALAM PERBINCANGANNYA DENGAN RAKAN SEJAWATNYA DARI PERANCIS, ENCIK PIERRE MAUROY, DI PEJABATNYA DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN PERINTAH ITU BOLEH MENYEKAT ALIRAN BEBAS BARANG-BARANG MALAYSIA KE NEGERI PERANCIS.

DALAM TAKLIMATNYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS PERBINCANGAN ITU, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR TAN SRI ZAKARIA ALI BERKATA PERKARA ITU DIBANGKITKAN SENDIRI OLEH PIHAK PERANCIS.

KATANYA ENCIK MAUROY MENERANGKAN BAHAWA PERINTAH TERSEBUT IALAH UNTUK MENEKANKAN IDENTITI BAHASA PERANCIS DALAM PERDAGANGAN PERANCIS.

+KITA FAHAM PENERANGAN-PENERANGAN MEREKA TETAPI KITA HARAP INI TIDAK AKAN DALAM APA CARA JUA PUN MENJEJASKAN KEMASUKAN SECARA BEBAS BARANG-BARANG KE NEGARA ITU+, DEMIKIAN BELIAU MENYEBUT DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI BERKATA.

--LAGI 1720/AN

MAHATHIR-PERANCIS 2 KUALA LUMPUR 2 '2'2'

DITANYA SAMA ADA MALAYSIA TELAH MENEKAN KERAJAAN PERANCIS MENERIMA PERMINTAAN MALAYSIA BERHUBUNG DENGAN PERINTAH ITU, TAN SRI ZAKARIA BERKATA PERKARA ITU TIDAK DIBANGKITKAN SECARA KHUSUS.

BARU-BARU INI MALAYSIA MENGECEM TINDAKAN TERSEBUT SEBAGAI SATU +HELAH BUKAN-TARIFF DAN MENYELEWENG+ YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN PERANCIS UNTUK MENGAKALKAN DASAR PERLINDUNGANNYA.

MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN DISEBUT SEBAGAI BERKATA LANGKAH ITU SANGAT MENYEDIHKAN PADA MASA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA SEDANG MEMPERJUANGKAN DIADAKAN PERDAGANGAN BEBAS DALAM RANGKA DASAR-DASAR DAN NORMA-NORMA DALAM PERJANJIAN AM MENGENAI TARIFF DAN PERDAGANGAN (GATT).

PERINTAH BARU ITU YANG BERKUATKUASA PADA 2 DISEMBER BERERTI BAHASA PERANCIS AKAN DIGUNAKAN DALAM SEMUA DOKUMEN TERMASUK KONTRAK, KATALOG, URUSAN BANK DAN PENGANGKUTAN, SURAT-SURAT INSURANS DAN SIJIL-SIJIL JAMINAN.

BAHASA PERANCIS JUGA DIMESTIKAN DALAM LABEL, RISALAH-RISALAH, BORANG-BORANG PESANAN, BORANG-BORANG PENYERAHAN, NOTIS-NOTIS ARAHAN DAN IKLAN.

--LAGI 1737/AN

MAHATHIR-PERANCIS 3 KUALA LUMPUR 2 '2'2'

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENERANGKAN KEPADA PEMBONGKAR PERANCIS ITU TENTANG DASAR PERINDUSTRIAN MALAYSIA TERUTAMA KEINGINANNYA MENGURANGKAN PERGANTUNGAN KEPADA PENDAPATAN-PENDAPATAN DARI BARANGAN DAN MEMPEROLEHI PARAS TINGGI DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI MEMERUSI PROGRAM-PROGRAM PERINDUSTRIAN.

BELIAU JUGA MENGULANGI RASA KESAL MALAYSIA BAHAWA DASAR PERLINDUNGAN NEGARA-NEGARA MAJU TELAH MENJEJASKAN PERDAGANGAN DAN PELABURAN NEGARA INI SERTA PEMBANGUNAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN AMNYA.

---

TAN SRI ZAKARIA BERKATA NEGERI PERANCIS MENUNJUKKAN MINAT  
UNTUK MEMBETULKAN INI DENGAN MENINGKATKAN PENYERTAAN EKONOMINYA  
DALAM RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN MALAYSIA TERMASUK  
PENGANGKUTAN DAN PERUMAHAN.

KATANYA BUTIR-BUTIR MENGENAI PERLUASAN PERDAGANGAN ANTARA  
KEDUA-DUA NEGARA ITU AKAN DIBINCANGKAN LEBIH LANJUT ANTARA  
MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN  
DENGAN TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PERDAGANGAN  
LUAR PERANCIS ENCIK MICHEL JOBERT.

--BERNAMA 1744/AN